

30 DEC 2001

JAKIM-penjelasan

JAKIM PERHEBATKAN PENJELASAN MENGENAI ISLAM

KOTA BAHARU, 30 Dis (Bernama) -- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) akan memperhebatkan penjelasan mengenai Islam dan Malaysia sebagai sebuah negara Islam kepada masyarakat sepanjang tahun depan.

Ketua Pengarahnya, Mohamad Shahir Abdullah berkata JAKIM telah mengenalpasti punca di kalangan masyarakat terutama yang menolak pengisytiharan Malaysia sebagai sebuah negara Islam oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana mereka kurang pengetahuan mengenai Islam.

"Apabila masyarakat kurang pengetahuan mengenai Islam, mereka terdedah kepada salah faham dan dieksploitasi pula oleh pihak yang berkepentingan, menyebabkan mereka menolak Malaysia sebagai negara Islam," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar kepimpinan Islam dalam menghadapi era globalisasi di sini, hari ini.

Mohamad Shahir berkata antara program yang disusun itu ialah seminar, penerbitan melalui majalah, radio dan televisyen yang dikendalikan Jakim dengan kerjasama Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Pada masa yang sama Jakim mengharapkan masyarakat memberi maklum balas terhadap isu-isu mengenai Islam agar penjelasan yang lebih tepat dapat disalurkan dengan segera, katanya.

Beliau juga berkata JAKIM akan terus memerangi kegiatan penyelewengan akidah terhadap umat Islam oleh pihak-pihak tertentu di seluruh negara.

"Ajaran sesat wujud dari semasa ke semasa kerana terdapat orang yang mahu mendapatkan kekayaan, pengaruh dan penyokong," katanya.

Jawatankuasa Pemandu Menangani Ajaran Sesat Peringkat Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Mohamad Shahir dan dianggotai antaranya Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri, telah mempunyai perancangan untuk memerangi kegiatan itu.

Beliau juga menasihati kalangan umat Islam agar menghentikan kegiatan pulau-memulau sesama mereka yang masih berlaku di sesetengah masjid dan surau.

--BERNAMA

BD ZB